

Brexit tidak jejas penarafan kredit Malaysia

Fakta
nombor

1.8 PERATUS
pasaran eksport
keseluruhan Malaysia
ke UK pada 2005

➔ Prestasi negara masih kukuh pada peringkat global, ASEAN

Oleh **Shahrizan Salian**
shahrizan_salian@bh.com.my

Keputusan Britain untuk keluar Kesatuan Eropah (EU) atau Brexit bulan lalu tidak memberi kesan terhadap penarafan kredit kerajaan Malaysia yang kukuh pada

peringkat global dan juga dalam skala ASEAN.

RAM Ratings dalam laporan ekonominya berkata, gangguan sistem kewangan yang berpunca dari Eropah dijangka tidak akan menyebabkan kemerosotan dalam kedudukan fiskal kerajaan disebabkan paras hutang mata wang luarnya yang sangat kecil iaitu 3.1 peratus daripada

jumlah keseluruhan hutang kerajaan.

Kesan terhadap makroekonomi dipantau

Bagaimanapun, tegasnya risiko arah aliran kemerosotan yang dicetuskan kelembapan pertumbuhan ekonomi di EU dan kesannya terhadap prestasi makroekonomi Malaysia te-

tap dipantau rapi menuju ke depan.

"Di sebalik pelbagai kemungkinan, kami percaya keanggotaan United Kingdom (UK) dalam Kawasan Ekonomi Eropah (EEA) lebih munasabah dan dapat memberi manfaat bersama pasca keputusan Brexit dibuat," menurut firma penarafan kredit tempatan itu. ➔ **Lihat Ms.B2**

8.9 PERATUS
pasaran eksport
EU tanpa UK

